



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - Kerajaan Sasar Pelaburan Tahunan RM5 Bilion Dari China
Menerusi InvestKL CSC

☐ Selasa, Jan 21 2020

KUALA LUMPUR, 20 JAN -Kerajaan menyasar untuk memperoleh sekurang-kurangnya RM5 bilion pelaburan dari China menerusi InvestKL China Special Channel (CSC).

Pengerusi InvestKL Datuk Seri Michael Yam berkata pelaburan itu akan disumbangkan oleh industri bernilai tinggi dan berimpak tinggi khususnya berkaitan Revolusi Perindustrian 4.0.

“Kami ingin mencari lebih banyak pelaburan dalam perkhidmatan seperti ICT, kecerdasan buatan, teknologi pengguna, peranti perubatan berbanding pembuatan dan pengeluaran,” katanya kepada pemberita



selepas menandatangani perjanjian antara InvestKL CSC dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Kewangan Lim Guan Eng, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking dan Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian.

Terdahulu dalam ucapannya, Lim berkata InvestKL CSC akan bertindak sebagai 'tetingkap tunggal' bagi semua peluang pelaburan dari China ke Malaysia.

Beliau berkata saluran khas itu akan memberi tumpuan kepada syarikat dan multinasional Cina untuk meneroka peluang menubuhkan perniagaan baharu, menempatkan semula pangkalan pembuatan atau pengeluaran dan berkembang di luar China.

"China akan menjadi pusat teknologi dan inovasi dalam haknya yang tersendiri. Sehubungan itu, adalah penting untuk menarik pelaburan langsung asing yang berimpak tinggi, berteknologi tinggi dan bernilai tinggi dari syarikat-syarikat Cina yang akan membantu meningkatkan pekerja tempatan di Malaysia selain menambah baik produktiviti dan pertumbuhan.

"Banyak pengeluar Cina berteknologi tinggi yang inovatif boleh memanfaatkan tawaran nilai Malaysia, bukan sahaja dari segi campuran pembuatan pintar, malah, berikutan kos daya saing Malaysia berbanding negara-negara lain," katanya.

InvestKL merupakan agensi promosi pelaburan yang ditugaskan menarik syarikat multinasional Fortune 500 dan Forbes 2000 untuk menubuhkan hab serantau dan melaksanakan aktiviti serantau di Greater Kuala Lumpur.



□ BISNES

□ AGENSI

□ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia




-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000☐ 03-88823893 /

03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data